

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:
MAJLIS PERASMIAN
KOMPLEKS LADANG AYAM PEDAGING (SISTEM TERTUTUP)
FELCRA BERHAD

TARIKH:
26 FEBRUARI 2025 (RABU)

TEMPAT:
KOMPLEKS LADANG TERNAKAN AYAM PEDAGING (SISTEM TERTUTUP) FELCRA BERHAD TANJUNG SERATUS, KUALA ROMPIN, PAHANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMMAH

1. Pernahkah kita renungkan, bagaimana keperluan asas seperti makanan boleh menjadi sumber kegelisahan yang mendalam jika tidak dijaga dengan teliti? Di tengah dunia yang semakin mencabar, isu keterjaminan makanan bukanlah sekadar soal pengeluaran, tetapi juga berkait rapat dengan kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara.

2. Populasi dunia kini telah melepasi 8 bilion, manakala Malaysia pula menyaksikan pertumbuhan sehingga 34 juta rakyat. Angka-angka ini menggambarkan tekanan yang semakin meningkat ke atas sumber makanan kita. Permintaan yang melonjak ini telah menimbulkan beberapa masalah serius, antaranya:

    i. **Keterbatasan Sumber dan Kebergantungan Import:** Walaupun kita berusaha meningkatkan pengeluaran domestik, kebergantungan kepada import masih menjadi isu yang nyata. Gangguan pada rantaian bekalan global, ketidakstabilan harga antarabangsa, serta konflik geopolitik boleh menyebabkan sumber makanan terputus.

    ii. **Perubahan Iklim dan Risiko Alam Sekitar:** Perubahan cuaca yang tidak menentu, banjir, kemarau dan bencana alam lain telah

menjejaskan produktiviti ladang. Tanah yang subur hari ini mungkin tidak lagi menjanjikan hasil yang sama pada esok hari jika kita tidak menangani isu perubahan iklim dengan serius.

3. Tambahan pula, infrastruktur yang kurang memadai dan sistem pengurusan rantaian bekalan yang masih belum mencapai tahap optimum menambah lagi ketidakpastian dalam memastikan rakyat mendapat akses kepada makanan yang mencukupi. Oleh itu, **memastikan kesinambungan bekalan makanan adalah suatu keutamaan strategik demi keamanan dan kesejahteraan negara.**

USAHA KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN KETERJAMINAN MAKANAN DI MALAYSIA

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Hari ini, saya ingin menegaskan Kerajaan Madani sentiasa komited dalam memastikan setiap rakyat menikmati akses kepada makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat - sebuah hak asasi yang tidak boleh dipertikaikan. Kestabilan bekalan makanan adalah teras kesejahteraan negara, dan dalam dunia yang serba mencabar ini - isu keterjaminan makanan memerlukan perhatian serius.

5. Agenda keterjaminan makanan memerlukan pendekatan *"whole-of-nation"* yang melibatkan kerjasama erat antara Kerajaan, sektor swasta, dan setiap individu. Pastinya, Kerajaan akan terus giat berusaha - **melalui pembangunan indikator khusus untuk mengukur tahap keterjaminan, memperkasakan industri akuakultur, dan memperluas sektor ruminan negara** - sebagai asas untuk sistem makanan yang kukuh.

6. Hari ini, saya berdiri di hadapan anda menyaksikan usaha ke arah ini. Kalau sebelum ini FELCRA mengorak langkah besar dengan kejayaan dalam sektor ladang kelapa sawit, getah, dan padi bagi mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar – kali ini FELCRA terus membuka lembaran baru melalui penglibatan dalam bidang ternakan ayam pedaging.

7. Saya yakin, tersedianya **kompleks ternakan ayam berskala besar ini akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran domestik, sekaligus memastikan kestabilan bekalan makanan negara.**

8. Tahniah **FELCRA Berhad atas kejayaan membangunkan Kompleks Ternakan Ayam Pedaging Secara Sistem Tertutup di Tanjung Seratus,** Rompin yang bakal menjadi projek perintis kepada lebih banyak ternakan ayam luar bandar. InsyaAllah saya yakin pencapaian ini akan terus membuka peluang ekonomi baharu, menambah baik taraf hidup komuniti setempat, dan mengukuhkan lagi agenda keterjaminan makanan negara. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif pembangunan yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

FELCRA TANJUNG SERATUS: MENERAJU REVOLUSI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. **Apa yang benar-benar menarik perhatian saya ketika melawat kompleks ternakan ayam ini** adalah ketiadaan bau yang kurang menyenangkan serta hampir tiada lalat berkeliaran. Saya kira ini membuktikan bahawa FELCRA mengambil serius amalan pengurusan

ladang yang lestari dan efisien, menitikberatkan aspek kebersihan serta kesejahteraan persekitaran.

10. **Keupayaan FELCRA mengekalkan kebersihan dan kelestarian** di kompleks ini selari dengan matlamat pembangunan mampan yang lebih luas. Pengurusan sisa yang teratur dan penggunaan sumber secara bijak tidak hanya memberi manfaat kepada operasi ladang, malah turut memastikan keseimbangan ekosistem terpelihara.

11. **Sepanjang hampir tiga tahun menerajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKDW),** saya melihat FELCRA sebagai sebuah agensi yang sentiasa proaktif dan berinovasi. Jika sebelum ini **FELCRA telah menampilkan kejayaan melalui pembinaan Loji Janakuasa Biogas terbesar negara di Jerantut, Pahang,** serta mengeluarkan pelbagai jenama minyak masak dan beras - kini mereka terus melangkah berani dalam sektor ternakan. Langkah ini bukan semata-mata untuk menjana keuntungan, malah untuk menyalurkan nikmat kepada rakyat secara lebih meluas.

12. Saya percaya langkah yang diambil oleh FELCRA ini adalah tepat pada masanya untuk menjamin bekalan makanan kekal stabil dan pada masa yang sama membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Usaha ini turut berperanan mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, sekali gus memastikan tiada komuniti yang terpinggir dalam arus kemajuan.

13. Percayalah, manfaat daripada projek ini tidak hanya terbatas kepada para peserta FELCRA. Malah, seluruh rakyat akan mendapat faedahnya. Melalui kompleks ternakan ini, kita bakal menyediakan akses kepada sumber makanan yang lebih stabil dan berpatutan, di samping mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Aktiviti ekonomi yang terhasil

kelak akan meningkatkan pendapatan isi rumah dan merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat.

14. Di samping itu, kejayaan projek ini turut menonjolkan keupayaan FELCRA dalam melaksanakan inisiatif berimpak tinggi, seterusnya mengangkat sosioekonomi masyarakat setempat ke tahap yang lebih baik. Oleh itu, saya amat menggalakkan FELCRA untuk **terus menerapkan teknologi moden seperti sistem automasi dan pemantauan digital bagi meningkatkan kecekapan serta produktiviti.**

15. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan adalah penting untuk menghasilkan baka ayam yang lebih berkualiti, sekali gus mengukuhkan agenda keterjaminan makanan negara dan mengukuhkan kedudukan FELCRA sebagai peneraju inovasi di luar bandar.

AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN FELCRA BERHAD – CADANGAN DALAM RMK13

16. **Justeru, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), saya berbesar hati menyambut baik cadangan FELCRA untuk menubuhkan Pusat Pemprosesan Minyak Masak di Bidor, Perak, menaiktaraf pusat benih padi menggunakan teknologi lestari, serta membina kilang pengampitan beras di FELCRA Seberang Perak. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja bertepatan dengan agenda nasional untuk memperkukuh keterjaminan makanan negara, malah membuka peluang kepada FELCRA untuk terus unggul dalam sektor pertanian dan industri asas tani.**

17. Saya yakin FELCRA mampu melaksanakan projek-projek ini dengan jayanya. Rekod cemerlang dalam membangunkan ladang kelapa sawit dan mengoperasikan kilang pemprosesan minyak kelapa sawit mentah membuktikan kemampuan FELCRA dalam industri ini.

18. **FELCRA mesti lah terus melakukan anjakan, berinovasi dan meneroka peluang baharu untuk mengembangkan perniagaan** – sekaligus memberikan manfaat yang lebih luas kepada peserta dan negara. Saya percaya jika FELCRA diuruskan dengan baik, ia **mampu menjana pendapatan yang besar dan menjadi agensi utama yang menerajui sektor keterjaminan makanan utama negara.**

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

19. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar kompleks ternakan ayam ini benar-benar memberi manfaat besar kepada seluruh rakyat Malaysia. Kita tidak mahu projek ini sekadar menjadi ibarat “memanah ke bulan” - anak panah hilang entah ke mana, sedangkan bulan tidak pernah dicapai. Sebaliknya, kita mahu melihat impak yang jelas dan positif dalam menyediakan sumber makanan berkualiti, mampu milik, dan berterusan untuk rakyat.

20. Biarlah kompleks ternakan ayam ini berperanan seperti sungai yang mengalir ke sawah, membawa air yang menghidupkan tanaman dan menghasilkan limpahan rezeki. Begitu juga, pengurusan kompleks yang efektif bakal menyuburkan manfaat dan kemakmuran untuk semua lapisan masyarakat, dari penduduk setempat hinggalah ke peringkat nasional.

21. Dengan penuh rasa berbesar hati, saya merasmikan **Kompleks Ladang Ternakan Ayam Pedaging (Sistem Tertutup) FELCRA Berhad di Tanjung Seratus, Kuala Rompin, Pahang**.

Sekian, Terima Kasih.